

Pemikiran Dr M jadi kursus di maktab

Oleh Nazura Ngah

BH 3/11/03

MARANG: Kementerian Pendidikan bercadang memasukkan aspek kepemimpinan dan pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad dalam kursus maktab perguruan bagi membolehkan kajian khusus dilakukan terhadap kewibawaan bekas Perdana Menteri itu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata kajian dan pembelajaran konsep pengurusan dan kepemimpinan bekas Perdana Menteri itu bertujuan memberi ilmu dan maklumat kepada generasi muda.

Katanya, kursus pemikiran dan kepimpinan Dr Mahathir memasukkan elemen kaedah berfikir untuk menjana idea bagi membangunkan negara.

Setakat ini, katanya sekolah menggunakan dua buku berkaitan Dr Mahathir, iaitu

Mahathir Impian dan Realiti serta *Mahathir - Pencetus Tamadun Insaniah*.

Abdul Rafie juga berkata, dalam kokurikulum, kementerian bercadang menggiatkan program kuiz dan syarahan untuk menjadikan pelajar lebih patriotik.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kolokium Kajian Tindakan Bersama Ketua Pengarah Pendidikan, di Pusat Sumber Pendidikan negeri di sini, semalam.

Sementara itu, Abdul Rafie mendedahkan bahawa sebilangan pelajar negara di Timur Tengah tidak mempunyai arah tujuan selepas menamatkan pengajian.

Pendedahan itu berdasarkan lawatan beliau ke Kaherah, Iskandariah dan Aman baru-baru ini.

Sebagai contoh, kebanyakan pelajar di Iskandariah yang ditemui tidak mempunyai matlamat khusus selepas menamatkan pengajian.

Sehubungan itu, katanya, ibu bapa perlu mengambil perhatian bidang kursus yang diambil anak bagi membolehkan perpaduan ditingkatkan selain memahami cita-cita negara dan menyumbang kepada produktiviti negara.

Abdul Rafie berkata, walaupun kebanyakan pelajar melanjutkan pengajian dengan tajaan sendiri, mereka seharusnya sentiasa mendapatkan pandangan Jabatan Penuntut Malaysia dan kedutaan Malaysia di negara berkenaan.

Beliau juga berkata, kerajaan akan menambah 300 sekolah bestari di seluruh negara dalam tempoh dua tahun bagi meningkatkan penggunaan teknologi maklumat (IT) dalam pembelajaran.

Pihaknya menjangkakan 100 sekolah sedia ada akan ditukar kepada sekolah bestari tahun depan, manakala 200 lagi pada 2005.